



# PARLIMEN MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2018**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI SELASA : 27 MAC 2018**

1912

1912


## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO.4, NO.12, HINGGA NO.63 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**



**SOALAN NO: 4**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dato' Mansor Bin Othman**  
**[ Nibong Tebal ]**

**TARIKH : 27 Mac 2018**

**SOALAN : Dato' Mansor Bin Othman [ Nibong Tebal ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan keberkesanan usaha-usaha serta program-program yang dilaksanakan Kementerian bagi menggalakan golongan muda menceburi sektor pertanian.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bidang Agromakanan kini dilihat semakin mendapat tempat dikalangan golongan belia meskipun dilihat mencabar kerana memerlukan pengetahuan dan kemahiran teknikal. Bagi menggalakkan golongan belia bergiat di dalam Sektor Agromakanan, Kementerian telah merangka berbagai program dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi dibawah MOA yang telah memberi kesan positif seperti berikut:

i. **Program Agropreneur Muda.**

Program ini khusus kepada belia berumur 18 hingga 40 tahun sebagai galakan dalam bidang keusahawan pertanian dan telah melahirkan seramai 5,223 usahawan muda dengan jumlah bantuan sebanyak RM117.851 juta sejak diperkenalkan pada tahun 2014;

ii. **Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPL).**

Program ini menawarkan latihan kemahiran pertanian kepada semua generasi muda yang berkelayakan bagi peringkat Sijil dan Diploma Kemahiran (Pertanian) di 16 buah Pusat Bertauliah seluruh Negara. Sehingga 2017, seramai 17,206 orang graduan telah dilahirkan yang terdiri daripada dalam pelbagai bidang seperti petanian, veterinar dan perikanan;

4

iii. **Program MyAgrosis**

Objektif program ini adalah bagi melahirkan kelompok usahawan siswazah tani di kalangan institusi tinggi awam dan swasta. Sehingga kini, bilangan ahli Kelab MyAgrosis adalah seramai 37,600 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 835 orang telah menceburi bidang keusahawanan dalam sektor agromakanan;

iv. **Program Tabung Pembangunan Usahawan Kor Tani**

Program ini menyediakan dana pembiayaan kepada ahli-ahli KorTani dibawah Lembaga Pertubuhan Peladang;

v. **Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA)**

Program khusus kepada anak-anak nelayan bagi menggalakkan penyertaan dalam keusahawanan. Sehingga kini terdapat sebanyak 27 KUBENA dengan jumlah keahlian seramai 1,403 orang; dan

vi. **Program-program pembangunan usahawan lain seperti Inkubator Usahawan Belia Tani, Keusahawanan Kemahiran Pemprosesan Makanan dan Program Latihan Luar Negara yang dilaksanakan oleh pelbagai Jabatan dan Agensi MOA.**

**SOALAN NO. 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ] minta  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT menyatakan punca-punca yang menjadikan kanak-kanak  
di negara ini mempunyai konflik dengan undang-undang.**



6

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Merujuk kajian yang dijalankan pada tahun 2014 yang melibatkan pesalah kanak-kanak di institusi pemulihan di negara ini, antara punca-punca utama kanak-kanak mempunyai konflik dengan undang-undang adalah seperti berikut:

- i. Mencari keseronokan, sifat ingin tahu, atau bosan;
- ii. Status ekonomi keluarga;
- iii. Pengaruh dadah / alkohol;
- iv. Kurang perhatian daripada ahli keluarga; dan
- v. Cemburu atau membalas dendam.

Lebih daripada 70% pesalah kanak-kanak bersetuju bahawa mencari keseronokan, sifat ingin tahu dan bosan merupakan antara faktor utama yang mendorong mereka melakukan kesalahan.

Tuan Yang Dipertua,

Antara dapatan kajian ialah 43% daripada responden adalah hanya lepasan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Memandangkan kebanyakan mereka ditahan dalam lingkungan umur 16 hingga 18 tahun, mereka didapati tercicir daripada persekolahan sebelum menduduki Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Berhubung faktor 'Status ekonomi keluarga', penyelidik juga mendapati bahawa lebih daripada 50% kanak-kanak di institusi pemulihan datang daripada keluarga berpendapatan bulanan kurang daripada RM1,000. Ini telah menyebabkan ibu bapa mereka terpaksa bekerja lebih masa / bekerja sampingan bagi menampung perbelanjaan keluarga. Faktor ini turut menyumbang kepada mereka kurang mendapat perhatian daripada ahli keluarga.

Tuan Yang Dipertua,

Adalah membimbangkan juga bahawa 45.8% pesalah kanak-kanak telah mula menyalahgunakan dadah, pada usia yang muda sehingga boleh menjurus kepada kesalahan jenayah. Statistik kajian turut menunjukkan bahawa 15.7% pesalah kanak-kanak telah disabitkan dengan kesalahan

menyalahgunakan dadah. Manakala 34.7% pesalah kanak-kanak dipengaruhi alkohol semasa melakukan kesalahan.

Dari segi analisis jenis kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak ini pula, jenis jenayah yang tertinggi adalah mencuri, dan terendah adalah rogol bawah umur.

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan komitmen Kementerian ini untuk memastikan setiap kanak-kanak di negara ini diberi peluang untuk perkembangan diri, pesalah kanak-kanak juga berhak diberi peluang pemulihan dan pengintegrasian semula ke dalam masyarakat. Dalam hal ini, pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ingin menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat agar mengambil perhatian khas dalam merangka program-program di bawah bidang kuasa masing-masing bagi kanak-kanak ini dengan mengambil kira faktor-faktor yang telah diketengahkan.